

Mangsa kebakaran ditempatkan di PPS

KUALA LUMPUR - Mangsa kebakaran di Tingkat 17, Blok 70, Flat Sri Sabah, Cheras di sini kini ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras.

Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Sri Sabah 3B, Zainal Abidin Abd Wahab berkata, kesemua 16 ahli keluarga yang terlibat dalam kebakaran itu ditempatkan di SK Seri Cheras sekitar jam 12 tengah malam hingga 2 pagi.

Beliau berkata, perkara itu diputuskan setelah perbincangan dilakukan pihak persatuan penduduk bersama Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Guru Besar SK Seri Cheras.

"Pada mulanya kita ingin menempatkan mangsa di Blok 66, namun kawasan tersebut agak sempit.

"Akhirnya kita putuskan untuk menempatkan kesemua mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS) di SK Seri Cheras.

"Sebanyak 16 mangsa daripada lima keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran ini berada di PPS," katanya pada Isnin.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi kejadian pada Isnin mendapati anggota keselamatan terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan petugas DBKL berada di flat tersebut.

Anggota PDRM turut mengawal laluan masuk ke tingkat atas Flat Sri Sabah.

Bantuan tangki air besar turut dihantar oleh DBKL ke lokasi kejadian awal pagi Isnin kerana difahamkan bekalan air terputus di flat tersebut.



ZAINAL ABIDIN

Penduduk mengambil bekalan air dari lori tangki air DBKL berikutan gangguan bekalan air di Flat Sri Sabah pada Isnin.

